

Berdasarkan maklumat pada buku teks halaman 127, lengkapkan petikan di bawah. Pilihan jawapan disertakan di bahagian bawah.

Cikgu Hafiz telah mengundang pegawai pertanian sekolah. Beliau akan mendemonstrasikan alat teknologi terkini kepada murid-murid.

Mereka berpeluang melihat sebuah _____.
Alat tersebut dikenali dengan nama dron. Dron ini dikawal dengan _____
_____ untuk merakamkan _____
_____.

Pegawai pertanian tersebut telah membuat _____
menerbangkan dron. Kini, dron digunakan dalam _____.
Antaranya, _____ barang dan bantuan kesihatan.

Selain itu, dron juga digunakan dalam bidang pertanian. Dalam bidang tersebut, dron digunakan untuk _____.
Dalam bidang keselamatan pula, dron digunakan oleh pihak polis bagi memantau _____ dan _____.

Walaupun kini dron digunakan dengan meluasnya, namun pengendalinya harus _____.

- demonstrasi
- menyembur racun dan membaja
- mematuhi peraturan yang ditetapkan
- alat yang canggih
- gambar dari udara
- alat kawalan jauh
- pelbagai bidang
- pengeposan
- aliran trafik
- mengesan penjenayah